

# PENGLIBATAN KOPERASI DALAM PERNIAGAAN ONLINE DI MALAYSIA: FAKTOR-FAKTOR KEKANGAN

(Cooperative's involvement in online businesses in Malaysia: Constraining factors)

\*Hajar Azwin Mohamad Ashi<sup>a</sup>, \*Rosmalina Che Yakzam<sup>b</sup>, \*Zaharatul Laili Zakaria<sup>c</sup>,  
Arfizawati Abd Hadi<sup>d</sup>, Azlifah Abas<sup>e</sup>, Romaizah Abd Kadir<sup>f</sup>

<sup>a</sup> Pusat Pengurusan Perniagaan, Institut Koperasi Malaysia

<sup>b</sup> Pusat Penyelidikan, Institut Koperasi Malaysia

<sup>c</sup> Unit Pembangunan Modal Insan, Institut Koperasi Malaysia

<sup>d</sup> Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia

<sup>e</sup> Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Institut Koperasi Malaysia

<sup>f</sup> Bahagian Perangkaan & Penyelidikan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia

\*Corresponding authors: azwin@ikma.edu.my, rosmalina@ikma.edu.my, laili@ikma.edu.my

Received 1 April 2022; Revised 13 May 2022; Accepted 18 July 2022

## ABSTRAK

*Perniagaan online merupakan perniagaan yang menggunakan Internet sebagai medium perantaraan antara penjual dan pembeli. Platform ini merupakan cabang baharu yang dapat merancarkan ekonomi koperasi sekali gus dapat melestarikan perniagaan koperasi mengikut peredaran masa kini. Namun penglibatan koperasi dalam perniagaan online masih lagi kurang. Bagaimanapun, jumlah kecil koperasi yang terlibat dalam perniagaan online dipercayai berpunca daripada kekangan tertentu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kekangan yang dihadapi semasa menjalankan perniagaan online oleh koperasi. Kajian ini melibatkan 92 buah koperasi melalui data yang diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan koperasi yang menyertai program Pemerkasaan Digitalisasi Koperasi (CODE) anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Kajian ini menggunakan kaedah banci (census) iaitu kesemua populasi kajian ini terdiri dari koperasi yang telah menjalankan perniagaan e-dagang di Malaysia. Hasil analisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) membuktikan faktor kekangan iaitu faktor risiko dan kekurangan kecekapan pekerja mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi koperasi.*

**Kata kunci:** E-dagang, kecekapan pekerja, koperasi, perniagaan online, prestasi koperasi, risiko

## ABSTRACT

*Online business is a business that uses the Internet as an intermediate medium between sellers and buyers. This is a new platform that can boost the cooperative economy, thus preserving the cooperative business in accordance with the current situation. However, the small number of cooperatives involved in online business is believed to be due to certain constraints. Therefore, this study aimed to identify constraint factors of cooperative's involvement in online businesses. This study involved 92 cooperatives through data obtained from MCSC and cooperative that participated in the Cooperative Digital Empowerment (CODE) program organized by IKMa. The census method was used to collect data from the entire population of the study, which comprised co-operatives engaged in e-commerce businesses in Malaysia. The findings of analysis using Statistical Package for Social Science (SPSS) software showed that risk and a lack of employee competency have a significant relationship with cooperative performance.*

**Keywords:** *E-commerce, employee competency, cooperative, online business, cooperative performance, risk.*

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi khususnya Internet banyak menyumbang kepada kemajuan dalam sistem perniagaan *online*/e- dagang sekali gus membolehkan banyak perniagaan dapat dijalankan hanya di hujung jari. Menurut statistik daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2019), satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 2016 dan 2018, bilangan perniagaan *online* mencatatkan peningkatan sebanyak 4.5% iaitu daripada 48.8% pada tahun 2016 kepada 53.3% pada tahun 2018. Menurut Kemp dan Moey (2019), trend pembelian barangan *online* mendapat sambutan yang baik (80%) dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur dalam lingkungan 16 hingga 64 tahun.

Dalam konteks koperasi, perniagaan *online* merupakan satu cabang baharu yang dapat melestarikan koperasi untuk menjalankan perniagaan masa kini. Namun penglibatan koperasi dalam perniagaan *online* masih lagi kurang berdasarkan data yang diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Tambahan pula, penyelidikan mengenai perniagaan *online* di Malaysia juga masih tidak mencukupi untuk dijadikan panduan (Rohmad, 2015). Melalui penyelidikan ini, data yang diperolehi daripada SKM hanya sebanyak 0.6 peratus daripada 14,629 buah koperasi (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2020) yang direkodkan terlibat dalam perniagaan *online* setakat tahun 2020.

Justeru, kajian ini dicadangkan untuk mengenal pasti faktor kekangan koperasi semasa menjalankan perniagaan secara *online*. Melalui kajian ini, agensi yang terlibat dapat merangka strategi untuk memperkasakan digitalisasi secara inklusif dalam gerakan koperasi. Selaras dengan itu, kajian ini diharapkan dapat membantu gerakan koperasi membuat anjakan paradigma daripada perniagaan *offline* kepada *online*.

Perbincangan berikutnya, menjelaskan definisi dan perincian kerangka kajian dalam sorotan kajian. Seterusnya, bahagian metodologi menerangkan rangka kerja bagi penyelidikan yang dijalankan. Bahagian analisis dan dapatan pula, membincangkan hasil analisis kajian. Manakala bahagian terakhir menerangkan rumusan dan cadangan kajian.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Aktiviti perniagaan koperasi**

Gerakan koperasi di Malaysia hampir mencapai usia 100 tahun. Bermula pada tahun 1922 menerusi aktiviti pertanian di luar bandar, dan aktiviti pinjam-meminjam di bandar, sektor koperasi terus berkembang meliputi pelbagai fungsi utama iaitu kredit, perbankan, pembinaan, pengangkutan, pengguna, perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan perumahan. Gerakan koperasi juga merupakan sebahagian ekosistem pembangunan ekonomi negara yang turut menyumbang terhadap sosioekonomi rakyat.

### **Konsep e-dagang**

Konsep perniagaan e-dagang merupakan satu bentuk rekayasa semula proses perniagaan daripada kaedah tradisional kepada aplikasi teknologi maklumat atau yang terkini disebut sebagai mendigitalkan proses perniagaan termasuklah mengautomatiskan proses perniagaan (Salmi, 2020). Dengan penggunaan laman web dan jaringan Internet, ia dapat menjangkau pengguna untuk melakukan pemasaran dan penjualan secara *online* dengan lebih meluas merentasi sempadan negara (Husain et al., 2020).

### **Kepentingan penglibatan koperasi dalam e-dagang**

Menyedari betapa pentingnya sumbangan e-dagang terhadap pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan Malaysia memperkenalkan beberapa rangsangan untuk meningkatkan amalan e-dagang, terutama dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kerana mereka

membentuk sekitar 84 peratus perusahaan perniagaan Malaysia (Ainin & Noorismawati, 2003). Oleh sebab koperasi merupakan sebuah entiti perniagaan yang berorientasikan *social enterprise*, maka penglibatan koperasi dalam e-dagang juga menjadi sangat penting bagi membawa gerakan koperasi ke aras yang lebih baik terutama bagi merealisasikan matlamat DKN 2030.

E-dagang telah menjadi elemen penting apabila berlakunya pandemik COVID-19 di seluruh dunia, ia telah merubah tingkah laku pengguna dan mewujudkan kekangan baharu terhadap perniagaan dengan sifat urus niaga tradisional mula tidak relevan (Priambodo et al., 2021). Perintah kawalan pergerakan telah menghadkan urus niaga secara tradisional dan para usahawan secara drastik perlu lebih dinamik menguruskan perubahan agar dapat meminimumkan ancaman terhadap kelangsungan perniagaan masing-masing terutama perniagaan PKS (Priambodo et al., 2021). Oleh itu perniagaan yang dinamik dan berinovasi dengan mengubah cara perniagaan melalui platform *online* akan memberi impak kepada prestasi perniagaan (Soto-Acosta et al., 2016).

### **Kekangan koperasi dalam menjalankan perniagaan *online* dan kesan terhadap prestasi koperasi**

Terdapat beberapa kekangan yang dikenal pasti semasa menjalankan perniagaan *online* seperti berikut:

#### **i. Kekurangan komitmen pekerja/*lack of staff commitment***

Komitmen yang dimiliki oleh seseorang pekerja terhadap kerjanya sudah tentu menjadi faktor yang penting kepada peningkatan sesuatu organisasi itu. Menurut Dixit and Bhati (2012) dalam kajian mereka terhadap pekerja industri Denso (Auto-component) India berkaitan komitmen untuk mengekalkan produktiviti, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa komitmen pekerja industri masih mengekalkan tahap komitmen dengan produktiviti kerja. Malah, Louise (2014) dalam kajiannya mendapati hasil kajian komitmen dan kepuasan kerja menunjukkan budaya pekerja dan persekitaran memainkan peranan yang penting. Menurut Van Fleet et al. (2006) di dalam Zaid (2021), manusia lebih cenderung bersikap biasa dalam menghadapi sesuatu tugas. Jika sesuatu manfaat yang diberikan kurang daripada yang sepatutnya, maka kepuasan dan juga prestasi pekerjaan tersebut akan menurun. Pekerja akan bertindak negatif kepada organisasi

apabila mereka tidak berpuas hati dengan pekerjaannya. Justeru kajian ini mencadangkan hipotesis berikut:

H1: Kekurangan komitmen pekerja mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap prestasi koperasi.

## **ii. Risiko/risk**

Risiko didefinisikan sebagai risiko yang paling umum dialami dalam kalangan pembeli Internet (Saputri, 2016). Perkara ini sangat mengganggu hak pengguna, khususnya terhadap hak untuk mendapatkan keselamatan serta hak untuk mendapatkan informasi yang betul, jelas dan jujur pada produk yang dijual oleh peniaga (Roihanah, 2019). Menurut Maulana (2021), berbagai-bagai risiko seperti keraguan yang dapat terjadi dalam berbelanja secara *online* meliputi risiko kehilangan wang, penghantaran produk, dan ketidaksesuaian produk pastinya akan mempengaruhi sikap pengguna, pelbagai persepsi risiko dalam belian secara *online* akan menjadi pertimbangan bagi pengguna sebelum melakukan pembelian. Justeru, pengurusan risiko merupakan satu amalan penting untuk menganalisis potensi risiko pada masa hadapan bagi membuat penilaian dan mengambil keputusan yang perlu terhadap risiko berkenaan. Oleh itu, berdasarkan sorotan kajian lepas, dicadangkan hipotesis seperti berikut :

H2: Risiko mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap prestasi koperasi.

## **iii. Kekurangan kecekapan pekerja/lack of staff competency**

Dalam konteks e-dagang, kecekapan pekerja memainkan peranan yang sangat penting terutamanya dalam pengendalian peralatan ICT. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Sulaiman et al. (2017), perubahan dalam penggunaan ICT perlu mempunyai kesesuaian mengikut jenis pekerjaan dan berdasarkan matlamat organisasi itu sendiri. Perkara ini berlaku kerana tugas tersebut adalah berbeza mengikut jawatan pekerja di dalam organisasi dan cara penggunaannya juga berbeza mengikut jenis tugas yang perlu dilaksanakan oleh para pekerja (Menjeni, 2002). Malah, terdapat kajian lain yang berkaitan telah membuktikan bahawa individu pada masa kini menggunakan ICT terlalu kerap sehingga menyebabkan kecekapan kerja menurun dan gagal diurus dengan baik. Tekanan perasaan yang wujud akibat daripada aspek fleksibiliti dan mobiliti ICT seperti

peranti mudah alih misalnya menyebabkan pekerja mudah untuk dihubungi atas urusan kerja meskipun berada di luar waktu pejabat (Nuryushana, 2014). Sehubungan itu, berdasarkan sorotan kajian lepas, dicadangkan hipotesis berikut:

H3: Kekurangan kecekapan pekerja mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap prestasi koperasi

#### **iv. Kekurangan sumber/*lack of resources***

Dalam sesebuah perniagaan, sumber amatlah penting dalam memastikan operasi perniagaan berjalan dengan lancar. Azubuike et al. (2021) di dalam Warschauer (2004) memperkenalkan beberapa sumber yang diperlukan oleh masyarakat untuk menggunakan teknologi maklumat, iaitu (1) sumber fizikal iaitu akses ke komputer dan Internet, (2) sumber digital iaitu kemahiran mencari dan memahami kandungan maklumat *online*, (3) sumber manusia iaitu keperluan tenaga kerja ICT dan termasuk pengetahuan serta pemahaman pekerja terhadap penggunaan IT (4) sumber sosial: meliputi komuniti setempat, institusi dan struktur sosial yang bergantung pada IT. Laporan dari SME Corp Malaysia (2016) juga menunjukkan bahawa PKS di Malaysia mempunyai pelbagai masalah mengenai ketahanan, persaingan dan keefisienan yang disebabkan oleh masalah kewangan, masalah kekurangan akses kepada maklumat dan pengetahuan termasuk kekurangan kebolehan dan kapasiti. Masalah lain adalah seperti produktiviti yang rendah, kualiti produk yang rendah, kekurangan sumber manusia, kepakaran serta kos infrastruktur yang tinggi. Oleh itu, berdasarkan sorotan kajian lepas, dicadangkan hipotesis seperti berikut:

H4: Kekurangan sumber mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap prestasi koperasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Populasi kajian ini terdiri dari koperasi yang telah menjalankan perniagaan *online* di Malaysia. Data sekunder sebanyak 92 buah koperasi diperoleh dari pangkalan data pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Kajian ini mengadaptasi kaedah kuantitatif dan strategi penentuan saiz *sample* ditentukan menggunakan kaedah banci (census) di mana kesemua 92 buah koperasi diambil kira bagi pengumpulan

data kajian ini. Menurut Berawi (2017), pendekatan yang menggunakan keseluruhan populasi sebagai *sample* boleh digunakan jika saiz populasi adalah relatif kecil, misalnya saiz populasi kurang daripada 200. Sebanyak 92 borang soal selidik diedarkan secara bersemuka dan atas talian (google form) kepada pihak pengurusan koperasi yang terpilih. Tinjauan soal selidik sendiri (self-administered questionnaire) ditekankan untuk kajian ini kerana membolehkan data diperolehi dengan cepat, tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak, efisien dan tepat bagi menilai maklumat yang diberikan oleh setiap responden (Bryman & Bell, 2015; Zikmund et al., 2013).

Bagi konteks pengukuran tinjauan (survey measurement), soal selidik yang disediakan adalah berpandukan sorotan kajian dan kumpulan fokus bersama koperasi terpilih. Perbincangan secara bersemuka telah diadakan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci berkenaan dengan faktor-faktor dan kekangan koperasi semasa menjalankan perniagaan e-dagang. Cara ini merupakan pendekatan yang terbaik bagi mendapatkan maklumat dari koperasi untuk memenuhi keperluan kajian ini. Hasil kajian McLeod et al. (2000) menunjukkan bahawa kumpulan fokus dapat membantu dalam membangunkan soal-selidik kajian yang berguna dan berkesan. Sebanyak 10 buah koperasi sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menghadiri sesi kumpulan fokus yang dijalankan.

Soal selidik mengandungi 16 item yang memfokuskan kepada kekangan koperasi semasa menjalankan perniagaan e-dagang yang merangkumi kekurangan komitmen pekerja, risiko, kekurangan kecekapan pekerja dan kekurangan sumber serta mengandungi empat item yang memfokuskan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu prestasi koperasi seperti Jadual 1. Item Skala Likert digunakan untuk mengenal pasti kenyataan responden. Ia digunakan untuk membolehkan responden memberi respons mengenai tahap persetujuan mereka berkenaan item soalan yang dikemukakan (Furr, 2011). Oleh itu, instrumen telah distrukturkan dalam bentuk soalan *5 point Likert-scale*. Seterusnya bagi memenuhi keperluan objektif kajian, analisis dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

**Kekangan Menjalankan Perniagaan  
Online**



**Rajah 1:** Kerangka kajian

**Jadual 1:** Senarai pengukuran dalam kajian

| Mengukur   | Penulis  | Item   |
|--|--|--|
| Kekurangan komitmen pekerja (lack of staff commitment) | Postmes et al. (2001)                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kakitangan tidak merasakan bahawa masalah yang berkaitan dengan koperasi ada kaitan dengan mereka.</li> <li>2. Koperasi tidak memberi sebarang makna kepada kakitangan.</li> <li>3. Kakitangan merasakan bahawa mereka bukan sebahagian dari koperasi.</li> <li>4. Kakitangan tidak mempunyai rasa kekitaan yang kuat kepada koperasi ini.</li> </ol>                                  |
| Risiko (risk)  | Featherman & Pavlou (2003)<br>Im et al. (2008) | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan e-dagang tidak setimpal dengan kos pelaksanaan.</li> <li>2. E- dagang mempunyai unsur-unsur ketidakpastian berbanding dengan cara jualan yang lain.</li> <li>3. Keberkesanan e-dagang tidak dapat dipastikan.</li> <li>4. Keputusan dalam penggunaan e-dagang adalah berisiko.</li> <li>5. Secara amnya, penggunaan e-dagang mendedahkan risiko kepada koperasi.</li> </ol> |



|   |                                      |  |
|---|--------------------------------------|--|
| Kekurangan kecekapan pekerja (lack of staff competency) | Molla & Licker (2005)<br>Arif (2009) | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebanyakan kakitangan koperasi tidak mahir dalam penggunaan komputer.</li> <li>2. Kebanyakan kakitangan mempunyai akses yang terhad dalam penggunaan komputer.</li> <li>3. Kakitangan koperasi kurang ilmu tentang e-dagang.</li> <li>4. Koperasi ini mempunyai kakitangan yang kurang mahir dalam pengendalian e-dagang.</li> </ol> |
| Kekurangan sumber (lack of resources)                   | Gregory et al. (2019)                | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bajet yang diperuntukkan oleh koperasi untuk aktiviti e-dagang adalah terhad.</li> <li>2. Terdapat kekurangan kakitangan koperasi untuk mengendalikan urusan e-dagang.</li> <li>3. Terdapat kekurangan sokongan untuk koperasi dalam aktiviti e-dagang.</li> </ol>   |
| Prestasi koperasi (co-operative performance)            | Mathews et al. (2018)                | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keuntungan koperasi meningkat dengan penggunaan e-dagang.</li> <li>2. Jualan koperasi meningkat dengan penggunaan e-dagang.</li> <li>3. Pasaran saham koperasi meningkat dengan penggunaan e-dagang.</li> <li>4. Secara keseluruhan, prestasi koperasi meningkat dengan penggunaan e-dagang.</li> </ol>                              |

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### Pengesahan instrumen (validating of constructs)

Analisis faktor pengesahan digunakan untuk mengkaji kebolehpercayaan dan kesahihan item yang dikaji. Jadual 2, nilai Alpha bagi setiap pengukuran adalah melebihi 0.70 dan didapati bahawa semua item berkorelasi secara signifikan dengan jumlah skor serta jumlah skor bagi setiap item lebih besar daripada nilai kritikal. Oleh itu, semua item pengukuran untuk instrumen dalam kajian ini diterima.

**Jadual 2:** *Reliability and validity tests for the research constructs*

| Pemboleh ubah                | Item | Cronbach's Alpha | Range of total score* |
|------------------------------|------|------------------|-----------------------|
| * $r = 0.206$                |      |                  |                       |
| Kekurangan komitmen pekerja  | 4    | 0.925            | 0.666-0.877           |
| Risiko                       | 5    | 0.901            | 0.632-0.836           |
| Kekurangan kecekapan pekerja | 4    | 0.884            | 0.751-0.886           |
| Kekurangan sumber            | 3    | 0.869            | 0.624-0.878           |
| Prestasi koperasi            | 4    | 0.922            | 0.717-0.944           |

Nota: \* generated from Pearson product moment correlation analysis for individuals items with its respective construct.\* nilai kritikal ( $r$ )

Seterusnya, pengesanan outlier dijalankan kerana outlier dikatakan membawa manfaat dan masalah kepada data yang dianalisis. Pengukuran jarak Mahalanobis merupakan kaedah yang paling banyak digunakan untuk mengesan outlier (Tabachnick dan Fidell, 2007). Oleh itu, kajian ini menilai outlier berdasarkan cadangan oleh Kline (2005) dalam penggunaan ujian Mahalanobis. Kajian lepas menjelaskan bahawa outlier boleh dihapuskan dan ini akan mengukuhkan analisis multivariat yang dijalankan (Ghazali, 2008; Hair et al., 2010). Dengan itu, pengujian jarak Mahalanobis dijalankan oleh penyelidik dan didapati satu sahaja outliers yang perlu dikeluarkan (berada di luar nilai kritikal iaitu  $p \leq 0.001$ ). Selepas outliers dikeluarkan, hanya 91 buah sampel yang tinggal untuk analisis selanjutnya.

### ***Hypothesis Testing***

Analisis regresi pelbagai digunakan untuk mengkaji H1, H2, H3, dan H4. Berdasarkan Jadual 3,  $R^2$  ialah 0.494 menunjukkan bahawa hampir 50% daripada variasi dalam penilaian prestasi koperasi dijelaskan oleh model regresi. Hasil analisis menunjukkan risiko ( $\beta = -0.179$ ) dan kekurangan kecekapan pekerja ( $\beta = -0.185$ ) mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap prestasi koperasi pada tahap keyakinan 95%. Namun, faktor kekurangan komitmen pekerja dan kekurangan sumber pula didapati mempunyai hubungan yang tidak signifikan terhadap prestasi koperasi. Oleh itu, hanya risiko dan kekurangan kecekapan pekerja merupakan kekangan koperasi semasa menjalankan perniagaan *online* bagi meningkatkan prestasi koperasi dalam penggunaan e-dagang.

**Jadual 3:** Regresi pelbagai

| Model<br>(R <sup>2</sup> = 0.494)                    | Standardized Coefficients |               |               | Hipotesis       |
|--|---------------------------|---------------|---------------|-----------------|
|  | Beta                      | t             | p-value       |                 |
| (Constant)   |                           | 0.285         | 0.285         |                 |
| H1: Kekurangan Komitmen Pekerja → Prestasi Koperasi  | 0.225                     | 1.316         | 0.005*        | Ditolak         |
| H2: Risiko → Prestasi Koperasi                       | <b>-0.179</b>             | <b>-0.973</b> | <b>0.028*</b> | <b>Diterima</b> |
| H3: Kekurangan Kecekapan Pekerja → Prestasi Koperasi | <b>-0.185</b>             | <b>-0.896</b> | <b>0.039*</b> | <b>Diterima</b> |
| H4: Kekurangan Sumber → Prestasi Koperasi            | 0.215                     | 1.064         | 0.018*        | Ditolak         |

Nota: Pemboleh ubah bersandar ialah prestasi koperasi, \*\* p value < 0.01, \*p value < 0.05

### RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian mendapati risiko dan kekurangan kecekapan pekerja merupakan kekangan koperasi semasa menjalankan perniagaan *online* bagi meningkatkan prestasi koperasi dalam penggunaan e-dagang. Terdapat risiko yang akan ditanggung sama ada penjual mahupun pembeli dalam perniagaan *online*. Antara risiko dalam perniagaan *online* ialah isu transaksi, penipuan, hak cipta, isu keselamatan, kualiti produk dan logistik. Oleh itu, dalam mengadaptasikan teknologi, kecekapan dan kemahiran pekerja amat perlu untuk melaksanakan operasi perniagaan *online*. Kajian ini menunjukkan bahawa responden memerlukan kakitangan yang mahir dalam penggunaan komputer dan mempunyai ilmu tentang e-dagang serta cara pengendaliannya.

Kajian ini juga mendapati kekurangan komitmen pekerja dan kekurangan sumber bukan merupakan faktor kekangan yang menyumbang terhadap penglibatan koperasi dalam perniagaan *online* kerana responden telah pun menjalankan perniagaan *online*. Malah laporan keseluruhan menunjukkan responden memperoleh komitmen daripada kakitangan koperasi. Sehubungan itu, kekurangan sumber bukanlah faktor yang signifikan dengan penglibatan koperasi dalam perniagaan *online* kerana responden telah memperuntukkan bajet yang sesuai dengan teknologi yang diguna pakai.

Memandangkan kajian ini merupakan kajian asas dan terhad kepada responden yang telah menjalankan perniagaan *online* maka kajian lanjutan boleh dilaksanakan seperti meneroka secara lebih mendalam terhadap faktor-faktor yang dikaji contohnya kompetensi digitalisasi dalam kalangan pengurusan atasan koperasi. Kemudian, melaksanakan kajian dengan mengambil kira koperasi berdasarkan faktor geografi dan kluster yang berbeza supaya

laporan yang dihasilkan lebih bersasar untuk program intervensi. Indikator bagi menentukan tahap literasi dalam konteks digitalisasi koperasi juga perlu dibangunkan untuk semua koperasi secara bersasar. Dicadangkan juga kajian lanjut menggunakan pensampelan yang lebih meluas untuk menghasilkan output yang lebih menyeluruh. Seterusnya kajian juga boleh diteruskan dengan berfokus kepada koperasi yang belum menjalankan perniagaan *online*.

## RUJUKAN

- Ainin, S., & Noorismawati, J. (2003). *E-Commerce Stimuli and Practice in Malaysia*. 7th Pacific Asia Conference on Information Systems.
- Azubuike, O. B., Adegboye, O., & Quadri, H. (2021). Who gets to learn in a pandemic? Exploring the digital divide in remote learning during the COVID-19 pandemic in Nigeria. *International Journal of Educational Research Open*, 2, 100022.
- Berawi, F. M. (2017). *Research Methodology: Thesis Writing Guide* (UUM Press). UUM Press.
- Bryman, A., & Bell, E. (2015). *Business research methods* (Vol. 4th). *Glasgow: Bell & Bain Ltd.*
- Dixit, V., & Bhati, M. (2012). A study about employee commitment and its impact on sustained productivity in Indian auto-component industry. *European Journal of Business and Social Sciences*, 1(6), 34-51.
- Furr, M. (2011). *Scale construction and psychometrics for social and personality psychology*. SAGE publications Ltd.
- Ghazali, I. (2008). *Structural equation modeling alternative method with partial least square*. Semarang: *Diponogoro University Publishing Agency*.
- Kemp, S., & Moey, S. (2019). *E-commerce in Southeast Asia: Essential trends for 2019 – DataReportal – global digital insights*. DataReportal. Retrieved from <https://datareportal.com/reports/digital-2019-spotlight-ecommerce-in-southeast-asia>
- Husain, H., Wahyudi, M., Safi'i, M., & Zarlis, M. (2020). E-Bisnis Solusi Inovatif Penggerak Ekonomi Masyarakat Pandemi Covid 19. In *Prosiding Seminar Nasional Riset Information Science (SENARIS)* (Vol. 2, pp. 100-104).
- Kline, R. B. (2005). *Principles and practice of structural equation modeling* 2nd ed. *New York: Guilford*, 3.

- Louise, M. (2014). Job satisfaction and organization in multicultural work environment in Norway. Master Thesis in International Business. Norwegian School of Economics.
- Maulana, M. R. (2021). Peran strategi digital marketing melalui sosial media” Instagram@ Branchicon dalam upaya meningkatkan brand awareness”. *Peran Strategi Digital Marketing melalui Sosial Media” Instagram@ Branchicon dalam Upaya Meningkatkan Brand Awareness”*.
- McLeod, H.L., Krynetski, E.Y., Relling, M.V., Evans, W.E. (2000). The contribution of qualitative research to evidence-based. In *Evidence Based Counselling and Psychological Therapies*, 129-144.
- Menjeni, A. B. (2002). The effect of the use of information technology on the quality of work. Kota Samarahan, Malaysia: Universiti Malaysia Sarawak.
- Nursyushana, M. R. (2014). *The impact of the use of information and communication technology (ICT) on work-life balance among executives in the private sector* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak).
- Priambodo, I. T., Sasmoko, S., Abdinagoro, S. B., & Bandur, A. (2021). E-Commerce readiness of creative industry during the COVID-19 pandemic in Indonesia. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(3), 865-873.
- Roihanah, R. A. (2019). Perlindungan hak konsumen dalam transaksi elektronik (E-commerce). *Justitia Islamica*, 8, 97-119.
- Rohmad, S. H. (2015). *Garis panduan dan etika E-dagang bagi produk fizikal menurut perspektif syariah* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Salmi, M. (2020). *Aligning marketing and sales-the case of marketing automation in Finnish B2B companies* (Master's thesis).
- Saputri, M. E. (2016). Pengaruh perilaku konsumen terhadap pembelian *online* produk fashion pada Zalora Indonesia. *Jurnal Sositoknologi*, 15(2), 291-297.
- SME Corp. Malaysia. (2016). PKS Annual Report 2016-2017. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan/2150-sme-annual-report-2016-17>
- Sulaiman, W. I. W., Noor, N. M., Salman, A., & Mahbob, M. H. (2017). The influence of communication technology on organizational change in the Malaysian Broadcasting Department. *e-BANGI*, 12(1), 110-136.
- Soto-Acosta, P., Popa, S., & Palacios-Marqués, D. (2016). E-business, organizational innovation and firm performance in manufacturing SMEs: An empirical study in Spain. *Technological and Economic Development of Economy*, 22(6), 885-904.

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2019). *Laporan Tahunan SKMM*. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/Media/General/Pdf/Mcmcinternet-Users->
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). *Perangkaan Koperasi Malaysia 2020*. Retrieved from <https://www.skm.gov.my/images/images/Statistik-Gerakan-Koperasi/Statistik-Tahunan/statistik-tahunan-2020/perangkaankoperasimalaysia2020pdfprotal.pdf>.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). Multivariate analysis of variance and covariance. Using multivariate statistics, 3, 402-407.
- Van Fleet, D. D., & Griffin, R. W. (2006). Dysfunctional organization culture: The role of leadership in motivating dysfunctional work behaviors. *Journal of Managerial Psychology*.
- Warschauer, M. (2004). *Technology and social inclusion: Rethinking the digital divide*. MIT press.
- Zaid, D. S., & Saludin, M. N. (2021). Hubungan komitmen organisasi dan tingkah laku kewargaan organisasi di kalangan pekerja hotel. *Journal of Business Innovation*, 6(1), 124.